



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

Ruj. Kami : KPKK (R) 100-1/5/4 Jld. 2 (13)

Tarikh : 4 Jun 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Badan Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN KESELAMATAN UNTUK MELINDUNGI ASET DI JABATAN
KERAJAAN SEMASA CUTI BERSEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI
TAHUN 2018**

Adalah saya dengan segala hormatnya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum bahawa rakyat Malaysia akan bercuti sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri pada 15 hingga 16 Jun 2018. Bersempena dengan sambutan perayaan tersebut, berkemungkinan ramai penjawat awam akan mengambil kesempatan untuk bercuti rehat sepanjang minggu berkenaan. Justeru itu, semua Ketua Jabatan, Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan semua penjawat awam diingatkan supaya

.../2

'KERAHSIAAN TERPELIHARA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA'



CERTIFICATE NO. KLR 0500062

memastikan langkah-langkah kawalan keselamatan di ambil bagi melindungi keselamatan aset-aset di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan masing-masing.

3. Sebagai persediaan untuk mengelakkan sebarang risiko keselamatan, semua peraturan dan tindakan yang termaktub di dalam Arahan Keselamatan dan arahan-arahan lain yang ditetapkan hendaklah dilaksanakan dan dikuatkuasakan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan masing-masing meliputi:-

- 3.1 pegawai dan kakitangan perlu memastikan semua aset Jabatan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat dengan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan;
- 3.2 semua dokumen rasmi dan dokumen rahsia rasmi kerajaan sama ada dalam bentuk *soft copy* atau *hard copy* disimpan dan dikunci dalam peti-peti keselamatan mengikut peruntukan Arahan Keselamatan;
- 3.3 akses ke bangunan, pejabat, bilik fail, pusat data, stor penyimpanan senjata api termasuk bahan kimia dan bahan letupan ditutup serta dikunci dengan selamat;
- 3.4 semua lampu, penyaman udara, peralatan elektrik dan elektronik, suis punca kuasa dan sebagainya yang tidak digunakan ditutup bagi mengelakkan risiko kebakaran;
- 3.5 lampu-lampu parameter hendaklah dipastikan berfungsi dengan sempurna sebagai langkah pencegahan pencerobohan jenayah;


- 3.6 sistem keselamatan fizikal termasuk peralatan-peralatan pencegahan pencerobohan telah diuji dan berfungsi dengan baik;
- 3.7 anggota Pengawal Keselamatan yang bertugas perlu siap siaga dan melaksanakan *random check* ke atas mana-mana orang dan kenderaan yang memasuki premis Kerajaan serta melaporkan sebarang insiden atau kegiatan yang mencurigakan mengikut SOP yang ditetapkan; dan
- 3.8 *snap check* hendaklah dilaksanakan oleh PKJ/PPKJ bagi memperkasa dan memantau langkah-langkah keselamatan sedia ada.

4. Sehubungan itu, besarlah harapan sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dan semua penjawat awam dapat sama-sama bertanggungjawab serta sentiasa peka dan berwaspada dalam memastikan keselamatan perlindungan di semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan masing-masing terjamin sepenuhnya terutama untuk melindungi aset Kerajaan semasa tempoh cuti perayaan tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KERAHSIAAN TERPELIHARA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA”



(DCP DATO' SANUSI BIN SIDEK)

s.k.:

1. **YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa**
Ketua Setiausaha Negara
2. **YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
3. **YBrs. Encik Zakaria bin Shaaban**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Jabatan Perdana Menteri